

Iktiraf tokoh jurutera Muslim

PAHANG TERENGGANU
TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

Sinar Harian (14/3/25) FOTO UMPSA



Tengku Hassanal (tengah) berkenaan menyempurnakan perasmian Masjid Al-Jazari di UMPSA, Kuantan pada Isnin.

Iktiraf tokoh jurutera Muslim

Masjid UMPSA kini dikenali Masjid Al-Jazari

Oleh NORAWAZNI YUSOF
KUANTAN

Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah berkenaan merasmikan Masjid Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) di sini sebagai Masjid Al-Jazari sempena nama seorang ahli sains dan tokoh jurutera Muslim terkemuka pada abad ke-12.

Keberangkatan baginda sebagai Pro-Canselor UMPSA turut diiringi oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UMPSA, Datuk Seri Abdul Razak Jaafar, Naib Canselor UMPSA, Profesor Dr Yatimah Alias, barisan Lembaga Pengarah Universiti dan Lembaga Pemegang Amanah Yayasan UMPSA serta warga UMPSA.

Tengku Hassanal turut berkenaan mengurniakan sumbangan duit raya daripada Yayasan UMPSA kepada 100 pelajar UMPSA yang berkeperluan.

Baginda turut berkenaan menyaksikan kurniaan sumbangan daripada Yayasan UMPSA dalam memperkasa pendidikan serta kebajikan pelajar dengan mengagihkan sebanyak RM6.2 juta untuk pelbagai inisiatif sokongan akademik dan kebajikan.

Dana tersebut disalurkan melalui pelbagai bentuk bantuan, termasuk penajaan biasiswa, bantuan zakat, bantuan sara diri, kupon makanan serta pelaksanaan program pembangunan pelajar yang bertujuan meningkatkan nilai tambah dan daya saing pelajar.

Baginda turut berkenaan menyaksikan sumbangan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), Lembaga Tabung Haji, Maybank Islamic Berhad dan UMPSA Holdings Sdn Bhd untuk diagihkan kepada pelajar miskin, asnaf serta pelajar dari keluarga B40.

Seramai 2,000 warga UMPSA bersama Tengku Hassanal sebagai tanda semangat ukhuwah dan kebersamaan antara institusi akademik dan masyarakat dalam menyemarakkan keberkatan Ramadan.

Sementara itu Yatimah berkata, keberangkatan baginda jelas mencerminkan keprihatinan dan kecintaan terhadap pengembangan pendidikan serta pemartabatan syiar Islam di Pahang.

Menurutnya, Masjid UMPSA yang dibina di atas tanah seluas 3 hektar telah siap dibangunkan selepas tujuh tahun pembinaan.

"Masjid ini mula beroperasi dengan pelaksanaan solat Jumaat pertama pada 5 Julai 2024 dan mampu menampung hingga 3,500 jemaah dalam satu masa.

"Ia turut dilengkapi ruang solat wanita, bilik pengurusan jenazah, bilik seminar, pejabat Pusat Islam dan Pembangunan Insan dan kawasan parkir yang luas," katanya.

Justeru, Yatimah mengharapkan agar masjid tersebut bukan sahaja menjadi pusat ibadah bagi warga UMPSA malah turut dimanfaatkan oleh komuniti setempat sebagai pusat penyatuan ummah.

"Semoga semangat inovasi Al-Jazari dapat menjadi inspirasi kepada pelajar dan staf UMPSA dalam meneruskan pencapaian dalam bidang kejuruteraan dan teknologi," katanya lagi.

POH PALEH MEN!